

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 5 JANUARI 2024  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 6

### Pakai cermin mata tak jejas pengesahan proses e-KYC

Pendaftaran PADU

# Pakai cermin mata tak jejas pengesahan proses e-KYC

230,443 pengguna berjaya muat naik swafoto dan kad pengenalan

Oleh Farah Marshita Abdul Patah  
farahmarshita@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pemakaian cermin mata tidak menyebabkan masalah untuk mana-mana individu melaksanakan proses e-KYC (Kenali Pelanggan Anda Menerusi Platform Digital), iaitu memuat naik swafoto dan kad pengenalan untuk pendaftaran Sistem Pangkalan Data Utama (PADU).

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, seramai 456,136 pengguna sudah berdaftar dengan PADU setakat jam 9 pagi semalam dan daripada jumlah itu, 230,443 pengguna berjaya melakukan proses e-KYC (Kenali Pelanggan Anda Menerusi Platform Digital), yang mana 61 peratus sudah selesai dengan pengesahan.

Beliau berkata, bagi melaksanakan proses berkenaan, pengguna perlu mengemas kini sistem pengoperasian telefon bimbit masing-masing dengan versi terkini, mengosongkan 'cache' dan memastikan pelayar tidak berada dalam tetapan private, "katanya.

Katanya, proses e-KYC boleh dilaksanakan sepenuhnya dalam tempoh kurang lima minit.

"Sejak PADU dilancarkan pada Selasa lalu, bilangan pengguna berdaftar adalah seramai 456,136 orang.

"Kita melihat isu keselamatan



Kakitangan Jabatan Perangkaan membantu warga emas mengakses dan mendaftar maklumat peribadi pada laman sesawang PADU di Pusat Ekonomi Digital PPR Salak Selatan, Kuala Lumpur, semalam. (Foto Aizuddin Saad/BH)

siber sebagai isu serius dan akan sentiasa memantau dan menguji untuk memastikan tiada kecacatan atau kelemahan pada sistem PADU ini," katanya menerusi hantaran di X semalam.

#### Kemas kini telefon pintar

Menyentuh mengenai masalah 'error code 100', Rafizi berkata, bagi pengguna yang mendaftar PADU menggunakan komputer atau komputer riba, mereka akan diberi kod QR dan seterusnya perlu mengimbas menggunakan telefon pintar untuk proses mengambil gambar kad pengenalan dewan serta belakang dan swafoto apabila sampai ke peringkat e-KYC.

"Ketika ini terdapat pengguna menghadapi masalah melakukan proses itu dan mendapat 'error code 100'. Pengguna perlu mengemas kini sistem pengopera-

sian telefon pintar masing-masing dengan versi terkini, mengosongkan 'cache' serta memastikan pelayar tidak berada dalam tetapan private," katanya.

Beliau berkata, jika pengguna masih menghadapi masalah berkaitan e-KYC, mereka boleh hadir ke kaunter PADU yang terdekat dan senaraikan kaunter boleh didapati di pautan padu.gov.my/hubungi/lokasi.

Selain itu, Rafizi berkata, pengguna juga perlu mengemas kini maklumat pekerjaan manakala bagi pengangur, mereka boleh memasukkan amaun bantuan atau sumbangan diterima sama ada daripada agensi kerajaan atau ahli keluarga bagi menampung kehidupan.

Katanya, mekanisme kawalan maklumat dibangunkan dalam sistem PADU memerlukan individu membuat perakuan dan pe-

ngesahan maklumat dikemas kini selepas menjalani proses pengesahan identiti melalui e-KYC.

"Setiap maklumat yang diperakukan tidak boleh dipindah oleh individu kecuali dengan membuat pelaporan aduan menerusi Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPA) bagi membolehkan tindakan dilaksanakan oleh pentadbir PADU," katanya.

Mengulas aduan mengenai kelemahan berkaitan pengendalian Application Programming Interface (API) membaikkan kata luaran yang menyebabkan risiko keselamatan, Rafizi berkata, insiden itu sudah diselesaikan jam 9.15 malam, pada 2 Januari lalu.

"Pasukan pembangunan sistem berjaya melaksanakan pembaikan, peningkatan dan pengkuhan dalam tempoh sejam," katanya.